

BN TIADA KUASA MEMECAH

Oleh 
Mahani Othman

KUALA LUMPUR 18 Jun — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini memutuskan ia tidak mempunyai kuasa untuk menyingkirkan wakil-wakil rakyat UMNO lama yang enggan menyertai UMNO (baru).

Pengerusi BN, Datuk Sri Dr. Mahathir ~~Mohamad~~ semasa menegaskan demikian berkata: "BN tidak boleh menyingkirkan sesiapa pun kerana BN tidak mempunyai ahli-ahli individu."

Tegas Perdana Menteri lagi, BN hanya mempunyai hak untuk menyingkirkan parti-parti komponen BN sahaja.

Bercakap dalam satu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi selama dua jam di ibu pejabat BN di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, ini juga bermakna BN tidak dapat menentukan kedudukan wakil-wakil rakyat ini dan juga ahli-ahli UMNO lama yang enggan menyertai UMNO (baru).

LIHAT MUKA 7

BN tiada kuasa memecat

Mereka yang patut membuat keputusan sama ada akan menyokong BN atau tidak.

"Kalau mereka menganggap diri mereka bukan penyokong BN terpulanglah kepada mereka untuk menentukan tindakan apa yang hendak mereka ambil."

Oleh yang demikian, menurut Perdana Menteri, BN dan UMNO (baru) tidak mempunyai hak untuk bercakap bagi pihak mereka.

Menjawab satu soal-

an, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, pihaknya masih tidak dapat mengenalpasti bilangan wakil-wakil rakyat UMNO lama yang enggan untuk menyertai UMNO (baru) kerana proses pendaftaran masih lagi berjalan.

Berhubung dengan tempat duduk wakil-wakil rakyat UMNO lama yang enggan menyertai UMNO (baru) di Parlimen Perdana Menteri menjelaskan bahawa tidak ada satu pun keputusan mengenai soal itu dibuat.

MM 19 JUN 1988

"Terpulanglah kepada Speaker Dewan Rakyat untuk menentukannya kalau ada permohonan dari mereka yang terlibat," tegas Pengerusi BN itu lagi.

Tentang keputusan yang diambil oleh BN dalam mesyuaratnya hari ini beliau berkata, ia bukanlah perkara baru kerana BN pernah mengambil keputusan yang sama sebelum ini.

Pengerusi BN itu memberikan contoh di mana satu masa dulu MCA pernah menyingkirkan ahli-ahlinya

tetapi Barisan Nasional sebaliknya tidak menyingkirkan mereka.

Mengenai peruntukan pembangunan yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat, Perdana Menteri menjelaskan, "semua peruntukan pembangunan diberikan kepada pegawai pembangunan negeri dan bukannya kepada wakil rakyat."

"Mereka (pegawai pembangunan negeri) yang akan menyalurkan peruntukan itu. Wakil-wakil rakyat hanya boleh membuat cadangan sahaja untuk melak-

sanakan projek-projek pembangunan.

"Sama ada permintaan itu diluluskan atau tidak terpulang kepada mereka untuk menentukannya," ujar beliau.

Semasa diminta mengulas tentang hasrat Datuk Shahrir Samad untuk meletakkan jawatan sebagai wakil rakyat pada akhir sidang Dewan Rakyat bulan depan, Datuk Sri Dr. Mahathir hanya berkata: "Kita tengoklah sama ada dia (Datuk Shahrir) meletakkan jawatannya atau tidak."